

11/03/2000

Tiada pakatan atur calon

LUMPUR, Jumaat - Pemangku Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein menafikan kononnya wujudnya pakatan dalam parti itu hingga calon diatur bertanding jawatan tertentu pada pemilihan Mei ini.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan kenyataan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, mengenai wujudnya pakatan sebagai tidak munasabah.

"Kenyataan seperti itu sesiapa pun boleh ketengahkan. Realitinya kedudukan pemimpin adalah atas kehendak ahli dari peringkat cawangan serta bahagian dan mereka mempunyai saluran untuk memilih pemimpin," katanya di sini hari ini.

Tengku Razaleigh semalam menyifatkan cadangan sesetengah pemimpin Umno supaya beliau bertanding jawatan Naib Presiden sebagai suatu aliran baru yang mana seolah-olah ada pakatan untuk menentu dan mengatur kedudukan dalam parti.

Hishammuddin berkata, kedudukannya sebagai Pemangku Ketua Pemuda juga bukan di atas kehendaknya atau ditunjukkan pemimpin atasan tetapi berikutan kekosongan jawatan selepas Datuk Ahmad Zahid Hamidi melepaskan jawatan.

"Jawatan dalam parti bukan untuk dikongkong oleh mereka yang tidak mahu melepaskan jawatan kerana apabila sampai masanya jawatan itu akan dilepaskan," kata beliau.

Di BATU GAJAH, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata parti tidak berniat mengetepikan mana-mana pemimpin, malah semua pencalonan jawatan dicapai melalui proses demokrasi dengan persetujuan ahli.

"Seperti yang selalu saya sebut, jawatan yang tidak boleh ditandingi hanya dua, iaitu Presiden dan Timbalan Presiden.

"Cara yang dibuat ini amalan demokrasi yang mana ahli sendiri yang menentukan. Saya sendiri sebagai Ketua Perhubungan tidak boleh paksa bahagian patuh, tapi beri panduan," katanya.

Beliau yang juga Menteri Besar Perak berkata, MT juga sudah membuat keputusan untuk mencalonkan semula Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden dan mencalonkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan Timbalan Presiden.

Tajol Rosli berkata, tidak wujud komplot atau plot dalam isu pencalonan selain daripada jawatan presiden dan timbalan presiden seperti didakwa Tengku Razaleigh.

"Untuk jawatan lain tidak ada plot. Ketika tiga Menteri Besar termasuk saya membuat pengumuman di Songkhla baru-baru ini (mengenai pencalonan Tengku Razaleigh bertanding naib presiden), kita fikir masa depan Umno.

"Apa yang penting Umno kukuh, kalau berpecah tidak ada makna dan kita tidak ada niat mengetepikan sesiapa pun," katanya.

(END)